

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

08
MAR

KASUS 2016 - PLATFORM PERPADUAN MAHASISWA KAMPUS KEJURUTERAAN USM

USM, PULAU PINANG, 8 Mac 2016 - Karnival Sukan Untuk Semua (KASUS) 2016 yang akan berlangsung pada 14 Mac 2016 hingga 15 April 2016 di Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM) menjadi medan untuk perpaduan dalam kalangan mahasiswa USM.

Penasihat Projek, Mohammad Arif Rinaldi berkata, KASUS 2016 ini adalah anjuran Jabatan Sukan dan Sukarelawan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Kampus Kejuruteraan bertujuan mengeratkan hubungan mahasiswa dan pensyarah yang meneruskan tradisi yang dilakukan di sini selama ini.

Pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik itu menjelaskan, terdapat dua kategori yang dipertandingkan dalam KASUS 2016 iaitu kategori pusat pengajian yang melibatkan acara sukan seperti bola sepak, bola baling, bola keranjang, bola jaring, futsal dan bola tampar manakala bagi kategori terbuka pula melibatkan sukan badminton, ping pong, ragbi dan bola tampar.

Mahasiswa Kampus Kejuruteraan yang ingin menyertai KASUS 2016 boleh mengambil borang yang telah diedarkan kepada semua pusat pengajian manakala untuk kategori terbuka, boleh menghubungi talian 017-5604123 atau 011-16265516.

Teks: Hafiz Meah Ghouse Meah



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my \(mailto:pro@usm.my\)](mailto:pro@usm.my)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015